

**PENGARUH *UMM AL-BARĀHĪN* KARYA AL-SANŪSĪ TERHADAP *BĀKŪRAH AL-AMĀNĪ* KARYA WAN ISMAIL AL-FATANI DALAM PERBAHASAN SIFAT 20**

THE INFLUENCE OF AL-SANŪSĪ'S *UMM AL-BARĀHĪN* TO WAN ISMAIL AL-FATANI'S *BĀKŪRAH AL-AMĀNĪ* IN THE DISCUSSION OF 20 ATTRIBUTES OF ALLAH

***Faizuri Abd. Latif\* & Muhammad Hazim Mohd Azhar\*\****

\*Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

\*\*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS). Universiti Teknologi Mara (UiTM). 02600. Arau. Perlis. Malaysia.

Email: \*fa72@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.3>

**Khulasah**

*Ma'rifatullah* (mengenal Allah SWT) merupakan fardu ain bagi setiap individu muslim yang mukallaf. Salah satu kaedah untuk mengenaliNya adalah dengan memahami sifat-sifatNya yang agung, memandangkan mengenaliNya melalui zat adalah suatu larangan. Bagi menambah kemantapan perbahasan sifat Allah SWT, muncul al-Sanūsī yang memperkenalkan pendekatan sifat 20 menerusi karya induknya *Umm al-Barāhīn*. Akhirnya pendekatan berkonsepkan sifat 20 yang dipopularkan oleh al-Sanūsī telah mendapat sambutan dan diterima baik oleh ramai ulama Melayu yang menjadikan kitab *Umm al-Barāhīn* sebagai rujukan penting dalam karya akidah mereka. Meskipun kebanyakan karya akidah ulama Melayu cenderung untuk menjadikan kitab *Umm al-Barāhīn* sebagai sumber rujukan utama, namun terdapat beberapa karya mengetengahkan pendekatan yang agak berbeza, antaranya kaedah yang

dikemukakan Wān Ismā'īl al-Faṭānī atau lebih dikenali sebagai (Pak Da 'Ail) menerusi karyanya *Bākūrah al-Amānī*. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan persoalan sifat 20 yang terkandung dalam kitab *Bākūrah al-Amānī* dengan meneliti hubungan antara karya tersebut dengan kitab *Umm al-Barāhīn*. Bagi memperoleh data, kajian ini mengaplikasikan metode dokumentasi dan etnografi analitik iaitu penulis secara langsung menyertai kuliah talaqqi pengajian kitab *Bākūrah al-Amānī*. Manakala metode komparatif digunakan untuk menganalisis data. Hasilnya, didapati bahawa kitab *Bākūrah al-Amānī* mempunyai beberapa persamaan dengan kitab *Umm al-Barāhīn*. Namun persamaannya bukanlah secara keseluruhan, malahan terdapat beberapa perbezaan antara keduanya.

**Kata kunci:** Sifat 20; *Bākūrah al-Amānī*; Wān Ismā'īl al-Faṭānī; *Umm al-Barāhīn*; al-Sanūsī.

#### Abstract

*Ma'rifatullah* (knowing Allah SWT) is *farḍ 'ayn* (obligatory) for every Muslim. Since knowing God through His essence (*dhāt*) is prohibited, then one of the methods to know Him is to understand His great attributes. Al-Sanūsī through his major work, *Umm al-Barāhīn* has introduced 20 attributes of Allah (*Ṣifāt 20*) as an approach to know God. This approach has been well received and accepted by many Malay scholars who utilised *Umm al-Barāhīn* as an important reference in their works. However, there are several works illustrated a somewhat different approach, among which are the methods proposed by Wān Ismā'īl al-Faṭānī or better known as (Pak Da 'Ail) through his work *Bākūrah al-Amānī*. Thus, this article discusses *Ṣifāt 20* in *Bākūrah al-Amānī* by examining the relationship between this work and *Umm al-Barāhīn*. In obtaining data, this study applied the documentation method and analytic ethnography where the author directly participates in the *talaqqī*

system to learn *Bākūrah al-Amānī*. While comparative methods are used to analyze data. In conclusion, it is found that *Bākūrah al-Amānī* has some similarities with *Umm al-Barāhīn*. But the equality is not the whole, because there are some differences between these two influential works.

**Keywords:** 20 attributes of Allah; *Bākūrah al-Amānī*; Wān Ismā‘īl al-Faṭānī; *Umm al-Barāhīn*; al-Sanūsī.

## Pendahuluan

Akidah merupakan bidang ilmu yang paling tinggi kedudukannya dalam Islam, kerana tujuan utama manusia diciptakan adalah semata-mata untuk beribadat kepada Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Dhāriyāt ayat 56 yang bermaksud, "*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku.*" Justeru, ibadat kepada Allah SWT tidak akan terlaksana kecuali dengan niat yang benar-benar ikhlas kepadaNya, dan keikhlasan tidak akan tercapai melainkan dengan mengenal Allah SWT. Maka mengenal Allah merupakan suatu suruhan dan tuntutan bagi setiap mukallaf, adapun taklid semata-mata tidak memadai dalam persoalan akidah.

Kefahaman jitu berkaitan ilmu akidah adalah sangat penting kerana ia merupakan asas utama yang perlu diyakini oleh setiap Muslim. Selain itu, ilmu ini turut menghuraikan konsep sebenar kalimah syahadah yang menjadi batas iman dan kufur. Berdasarkan kepentingan ilmu akidah, maka ramai dalam kalangan ulama yang mengambil inisiatif mengembangkannya kepada umum, terutama melalui bidang penulisan karya. Di alam Melayu, antara persoalan penting yang dijadikan topik perbincangan dalam akidah ialah berkaitan sifat 20.

Perbahasan sifat 20 yang dipopularkan oleh Imam al-Sanūsī bertujuan membersihkan konsep ketuhanan daripada fahaman ahli falsafah yang menyeleweng menerusi kitab induknya *Umm al-Barāhīn* telah mendapat

tempat di hati ulama Melayu. Dalam kalangan mereka ada yang menterjemah karya tersebut, dan terdapat sebahagian lain yang menjadikannya sebagai asas penulisan karya-karya akidah. Antara karya yang bersumberkan kitab *Umm al-Barāhīn* ialah kitab *Bidāyah al-Hidāyah* (1757M) karya Sheikh Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-‘Ashi, *al-Durr al-Thamīn* (1232 H/1816 M) nukilan Sheikh Daud al-Faṭānī, *Sirāj al-Hudā* (1303-1304H/1885-1886M) oleh Sheikh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambāwī, *Zahrah al-Murīd fī ‘Aqā’id al-Tawhīd* (1310H/ 1892M) oleh Sheikh Muḥammad ‘Alī bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Ghafūr Kutan al-Kalantanī, *Aqīdah al-Nājīn* (1890M) karangan Sheikh Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī (Tuan Minal) dan lain-lain.

Ulama Melayu mengambil inisiatif menterjemahkan karya ini ke dalam bahasa Melayu jawi diiringi dengan syarah, *ḥāshiyah*, *ta’līq* atau komentar dan sebagainya. Meskipun kebanyakan kitab jawi diadaptasi daripada *Umm al-Barāhīn*, namun didapati segelintir ulama Melayu membahaskan sifat 20 dengan corak yang berbeza daripada *Umm al-Barāhīn*. Antaranya ialah kitab *Bākūrah al-Amānī* karangan Sheikh Wān Ismā‘īl bin Wān ‘Abd al-Qādir bin Wān Muṣṭafā atau lebih dikenali sebagai Pak Da ‘Ail.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Terdapat dua pandangan kenapa beliau digelar ‘Pak Da’. Pertamanya, kerana beliau anak ketiga daripada enam adik beradik. Gelaran ‘Pak Da’ merupakan panggilan kebiasaan bagi anak yang ketiga di Patani. Kedua, beliau digelar dengan ‘Pak Da’ kerana beliau menjadi alim di waktu masih muda. Antara anak murid yang lebih tua daripada beliau seperti Sheikh Abdullah Fahim dan Tok Perigi. Maklumat diperoleh daripada Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya’ Ulumuddin, Pulau Pinang), pengajian talaqqi kitab *Bākūrah al-Amānī*, 5 April 2013 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Lihat juga rakaman, Poster Talaqqi Daurah, “Kitab Bakurah Amani (Sesi 1) 5.4.13 : Kulit - Kenali kitab, pengarang dan basmalah,” <https://youtu.be/rrZnlM6Beak>.

Tuan Guru Ahmad Ridoudin adalah murid kepada Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Pondok Guar Kepayang, Kedah iaitu salah seorang

Kitab *Bākūrah al-Amānī* mempunyai keistimewaannya yang tersendiri berbanding kitab jawi lain berdasarkan susunan sifat dan sebagainya. Malah Pak Da 'Ail sendiri tidak menyatakan secara jelas sumber rujukannya berbeza dengan sesetengah ulama Melayu seperti Tuan Minal yang menerangkan bahawa karya '*Aqīdah al-Nājin*' adalah bersumber daripada *Umm al-Barāhīn* sebagaimana katanya:

"Aku suratkan bagi mereka itu akan suatu kitab pada menyatakan ilmu Usuluddin, padahal aku terjemahkan daripada Muqaddimah al-Sanūsī, serta aku tambahkan daripada beberapa kalam syarahnya dan hasyiahnya supaya nyata maksud daripada kalam Sheikh itu. Dan jikalau tiada aku ahli bagi yang demikian itu sekalipun, tetapi 'itimadku kepada taufiq Karim al-Wahhab."

Dapat difahami di sini bahawa kebanyakan karya akidah jawi merupakan adaptasi daripada kitab *Umm al-Barāhīn*. Situasi ini berbeza dengan kitab *Bākūrah al-Amānī* yang dilihat mengemukakan beberapa perbincangan akidah berdasarkan kerangka pemikiran pengarang sendiri. Oleh itu, kajian perlu dilakukan bagi meneliti aspek-aspek pengaruh *Umm al-Barāhīn* terhadap *Bākūrah al-Amānī* dalam perbincangan Sifat 20.

---

murid Sheikh Wān Ismā'īl. Beliau juga adalah cicit kepada Sheikh Uthman Jaluluddin, pengasas Pondok Madrasah Manabi' al-'Ulum Penanti, Pulau Pinang. Kini, beliau telah menubuhkan madrasahnyanya sendiri dan menjadi mudir iaitu Madrasah Ihya' Ulumuddin, Mengkuang Titi, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau merupakan tenaga pengajar jemputan pengajian bulanan di bawah kelolaan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sejak tahun 2013.

## **Perbahasan Sifat 20 Di Alam Melayu**

Pengajian sifat 20 menyentuh aspek paling asas dalam kehidupan Muslim iaitu perbicaraan mengenai sifat Tuhan yang Maha Agung. Ia menyentuh pengenalan kepada Tuhan yang disusuli kekukuhan pendalilan terhadap penetapan sifat-sifat tersebut. Ia berkeupayaan menolak kedangkalan ajaran, ideologi dan kumpulan yang sesat dan menyeleweng. Secara tidak langsung, ia turut membantu membentuk dan membangunkan akidah masyarakat.<sup>2</sup> Lantaran itu, disiplin pengajian sifat 20 sering mendapat tempat dalam pemikiran ulama Nusantara kerana mereka meyakini bahawa kaedah ini adalah yang terbaik bagi memperkukuhkan akidah ummah dan menyelamatkan mereka daripada fahaman yang menyeleweng.

Bagi ulama Melayu, mereka tidak berminat untuk mencetuskan isu baru dalam perbahasan ketuhanan. Ini kerana mereka lebih cenderung untuk mengembangkan perbahasan ketuhanan sedia ada yang berkisar persoalan sifat 20 yang dipopularkan oleh Imam al-Sanūsī. Kaedah dan pendekatan ini telah diterima oleh ramai ulama termasuklah ulama Melayu, sehingga kerangka pemikiran Imam al-Sanūsī menjadi begitu popular dalam kalangan mereka dan menjadi sebagai bahagian penting dalam perbahasan akidah.

Pada dasarnya prinsip ajaran Tauhid adalah berpandu kepada enam rukun Iman iaitu percaya kepada Allah SWT, Malaikat, Nabi dan Rasul, Kitab-Kitab, Hari Kiamat serta *al-Qadā'* dan *al-Qadar*. Dalam konteks kepercayaan kepada Allah SWT, ajaran yang dipegang oleh ulama Melayu adalah berpaksi kepada doktrin sifat 20. Menurut ulama tradisional, dua puluh sifat tersebut merupakan sebahagian sifat-sifat wajib bagi Allah SWT yang wajib

---

<sup>2</sup> Mohd Fauzi Hamat, "Sumbangan Pengajian Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas," *Jurnal AFKAR* bil. 5 (2004), 25-44.

diketahui oleh setiap mukallaf. Sifat-sifat tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu: *Nafsiyyah*, *Salbiyyah*, *Ma'ānī* dan *Ma'nawīyyah*.<sup>3</sup> Di samping sifat wajib, terdapat dua puluh sifat yang mustahil serta satu sifat yang harus bagi Allah SWT.

Berdasarkan pembahagian sifat-sifat tersebut terdapat perbezaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Abū Ḥassan al-Ash'arī.<sup>4</sup> Ini kerana beliau tidak pula menyebut tentang sifat *Ma'nawīyyah*, namun sifat tersebut diakui oleh al-Rāzī,<sup>5</sup> al-Bāqillānī,<sup>6</sup> al-Juwaynī,<sup>7</sup> sebahagian aliran

---

<sup>3</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998), 39.

<sup>4</sup> Abū Ḥassan al-Ash'arī tidak mengira sifat *Ma'nawīyyah* dalam penyusunan pengenalan kepada Allah, tetapi tetap tidak menafikan. Dalam persoalan sifat *Wujūd*, al-Ash'arī tidak mengira ia sebagai sifat, tetapi menyatakan *Wujūd* adalah *'Ayn Dhāt*. Lihat: 'Abd al-Ghani Yaḥya dan 'Umar Yūsuf, *Risālah al-Tawḥīd* (Patani: Matba'ah Bin Halabi, t.t), 15. Menurut Sheikh Aḥmad al-Faṭānī, perbincangan ini merupakan sebahagian daripada perkara *ghawāmiḍ* iaitu perkara yang sukar dan rumit dalam ilmu Kalam. Lihat Aḥmad al-Faṭānī, *Faridah al-Faraid fi 'Ilm al-'Aqa'id* (Patani: Matba'ah Bin Halabi, t.t), 5.

<sup>5</sup> Al-Rāzī tergolong dalam kalangan ulama Ash'arīyah yang mengakui *al-ḥāl*, lantaran itu beliau menerima kewujudan sifat *ma'nawīyyah* seperti Allah SWT bersifat dengan *'Āliman* dan *Qadīran* dengan *'Ilm* dan *Qudrah* yang qadim. Lihat, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Kitāb al-Muḥaṣṣal wahuwa Muḥaṣṣal Afkār al-Mutaqaddimin wa al-Mutaakhirin min al-Ḥukamā' wa al-Mutakallimīn*, ed. Husayn al-Ṭāi, (Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1991), 210.

<sup>6</sup> Al-Bāqillānī mengakui Allah SWT mempunyai sifat *ma'nawīyyah* seperti *Ḥayyan*, *'Āliman*, *Qadīran*, *Samī'an*, *Basīran*, *Mutakallīman* dan *Murīdan*. Beliau berpendapat sekiranya Allah SWT tidak memiliki sifat ini, pastinya Dia bersifat dengan lawan sifat tersebut seperti mati (*al-mawt*), jahil (*al-jahl*), lemah (*al-'ajz*), tuli (*al-khars*), buta (*al-'ami*), bisu (*al-samam*) dan dipaksa (*al-karḥ*). Tetapi bersifat dengan sifat kekurangan tersebut adalah mustahil bagi Allah SWT. Lihat, al-Qāḍi Abī Muḥammad bin Ṭayyib al-Bāqillānī, *Tamhīd al-Awā'il wa Talkhis al-Dalā'il*, (Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafīyyah, 1987), 48-49.

<sup>7</sup> Imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī sependapat dengan al-Bāqillānī dan al-Rāzī tentang penerimaan *al-ḥāl* iaitu sesuatu yang berada di

Māturīdiyyah<sup>8</sup> dan golongan Mu'tazilah.<sup>9</sup> Dengan pengelasan seperti ini menggambarkan pembahagian tersebut bukanlah bermula daripada al-Ash'arī, bahkan ia datang daripada ulama al-Ashā'irah lain, dengan yang mempopularkannya adalah Muḥammad ibn Yūsuf al-Sanūsī sehingga turut mempengaruhi ulama di Alam Melayu.<sup>10</sup>

Individu pertama yang dikatakan terlibat dalam pengajaran sifat 20 di Alam Melayu ialah Sheikh 'Abd al-Rauf Fansuri. Beliau telah mengupas persoalan tersebut

---

pertengahan antara wujud dan tiada ('*adam*). Memandangkan beliau menerima *al-hāl* maka dengan sendirinya beliau mengakui keberadaan sifat *ma'nawīyyah* yang dianggap sebahagian daripada *al-hal*. Sehubungan itu, al-Juwaynī mengakui bahawa Allah SWT bersifat dengan *Ḥayyun*, *'Alimun* dan *Qadīrun* dengan *Ḥayah*, *'Ilm* dan *Qudrah* yang qadim. Kenyataan beliau ini bertujuan menolak pandangan Mu'tazilah yang menafikan sifat *ma'ānī* seperti mengatakan Allah SWT '*Alimun*, *Qadīrun* dan *Ḥayyun* dengan *DhātNya*. Lihat Imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī, *Kitāb al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-I'tiqād*, ed. Zakariyyā 'Amirat (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 36-37.

<sup>8</sup> Antara ulama al-Maturidiyyah yang menerima sifat *ma'nawīyyah* ialah Abū Ḥafs Najm al-Dīn al-Nasafī. Bagi al-Nasafī, Allah SWT bersifat dengan *al-Ḥayy*, *al-Qadīr*, *al-'Alim*, *al-Samī'*, *al-Baṣīr* dan *al-Murīd*. Lihat, 'Abd al-Malik 'Abd al-Raḥman al-Sa'dī, *Sharḥ al-Nasafīyyah fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah* (Beirut: Dār al-Anbān, 1999), 38-49.

<sup>9</sup> Bagi Mu'tazilah, meskipun menerima sifat *ma'nawīyyah*, namun mereka menolak *sifat ma'āni*. Menurut golongan ini Allah SWT adalah '*Alīman* dan *Qadīran* bukan dengan '*Ilm* dan *Qudrah*, kerana *sifat ma'ānī* adalah baharu. Lihat, Al-Jabbār, al-Qādī Abī al-Ḥasan, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah* (Kaherah: Maktabah al-Wahbah, 1965), 195.

<sup>10</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, 40. Dari aspek pengiraan sifat Allah SWT yang wajib diketahui, terdapat perbezaan pandangan antara al-Sanūsī dengan al-Ash'arī dan Abū Manṣūr al-Māturīdī. Ini kerana menurut al-Ash'arī sifat Allah SWT hanyalah tiga belas sifat sahaja, sedangkan al-Maturidi dan al-Sanūsī mengira sehingga dua puluh sifat. Lihat, Asywadie Syukur, *Pemikiran-Pemikiran Tauhid Syaikh Muhammad Sanusi* (Surabaya: Pt Bina Ilmu, 1994), vii; Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000), 334-335.



dalam karya tasawufnya yang berjudul '*Umdah al-Muhtājīn*'.<sup>11</sup> Pada abad yang ke-18, tokoh pertama yang mengembangkan Ilmu Kalam di Tanah Melayu ialah Muhammad Zayn Faqīh Jalāl al-Dīn al-'Ashī. Antara usaha terpenting beliau ialah menghasilkan sebuah karya tauhid bertajuk *Bidāyah al-Hidāyah* (1757M) yang merupakan pengadaptasian dan komentar daripada kitab *Umm al-Barāhīn* karangan Imam al-Sanūsī.<sup>12</sup> Selepas itu, muncul beberapa karya akidah yang bersumberkan kitab *Umm al-Barāhīn* seperti *Zahrah al-Murīd fī Bayān Kalimah al-Tawhīd* nukilan Sheikh 'Abd al-Ṣamad al-Falimbanī pada tahun 1764M di Makkah. Sheikh Nawawī Bentanī turut mensyarahkan kitab *Umm al-Barāhīn* dengan tajuk *Zari'ah al-Yaqīn*. Demikian juga pengajaran sifat 20 terus berkembang dengan kelahiran kitab '*Aqīdah al-Bayān* oleh Tok Syihāb al-Dīn Palembang.<sup>13</sup>

Pada abad ke-19, lahir beberapa karya yang membahaskan tentang sifat 20. Antaranya ialah *Ini Kitab Sifat Dua Puluh* oleh Sayyid 'Uthman Ibn Yahya al-Betawi pada tahun 1886M. Selepas itu muncul beberapa kitab yang diadaptasi daripada kitab *Umm al-Barāhīn* seperti kitab *Sirāj al-Hudā* karangan Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambawī sekitar tahun 1885-1886M. Kemudian muncul pula kitab '*Aqīdah al-Nājīn* yang dikarang oleh Sheikh Muḥammad Zayn al-'Abidīn bin Muḥammad al-Faṭānī pada tahun 1890M.<sup>14</sup> Pada abad ini juga telah muncul seorang ulama Melayu yang produktif dalam bidang penulisan iaitu Sheikh Daud bin 'Abd Allah

---

<sup>11</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 108.

<sup>12</sup> Kamarul Bakri bin Abd. Aziz, "Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 80-81.

<sup>13</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Nusantara*, 110.

<sup>14</sup> *Ibid.*, 111.

al-Faṭānī. Beliau turut membincangkan ajaran sifat 20 dalam karyanya *al-Durr al-Thamīn* pada tahun 1816M.

Di Kelantan muncul Haji Wān ‘Abd al-Ṣamad bin Wān Muḥammad Ṣālīḥ yang terkenal dengan Tuan Tabal turut membincangkan persoalan sifat 20 dalam karyanya *Kifāyah al-‘Awwām fīmā Yajib ‘alayhim min Umūr al-Islām* pada tahun 1878M. Sementara itu, di Kedah muncul Muḥammad Ṭayyib bin Mas‘ūd al-Banjari yang turut menyentuh tentang ajaran sifat 20 dalam karyanya *Miftāḥ al-Jannah*.<sup>15</sup>

Perbincangan mengenai sifat 20 turut dibincang secara ringkas oleh Uthman bin Abdullah bin Yahya al-Batawi dalam karyanya yang bertajuk *Kitab Sifat Dua Puluh* pada tahun 1304H/1886M.<sup>16</sup> Selain itu, Tok Wan Ali Kutan atau nama sebenarnya Sheikh ‘Abd Raḥmān al-Kalantanī turut memuatkan perbincangan sifat 20 dalam karyanya *Zahrah al-Murīd fī ‘Aqā’id al-Tawḥīd* yang selesai dikarang pada tahun 1310H.<sup>17</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas bahawa kebanyakan ulama Melayu berusaha mengembangkan pemikiran sifat 20 di Nusantara. Usaha ini dilakukan bagi memastikan masyarakat Melayu sentiasa berada dalam akidah yang benar dan berpaksikan kepada pegangan yang wasatiyyah.

### **Kedudukan *Umm al-Barāhīn* dalam Karya Ulama Melayu**

Kitab *Umm al-Barāhīn* merupakan salah sebuah karya masyhur yang dijadikan sandaran dalam mazhab Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah. Nama karya ini terbentuk daripada dua perkataan iaitu *Umm* dan *al-Barāhīn*. *Umm* bermaksud ibu atau punca. *Barāhīn* pula merupakan kata jama’

---

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Uthman bin Abdullah, *Kitab Sifat Dua Puluh*, (t.tp: t.p, t.t), 1.

<sup>17</sup> Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983), 7.

daripada *burhān* yang bermaksud dalil dan hujah. Boleh dikatakan Imam al-Sanūsī menamakan kitab ini dengan *Umm al-Barāhīn* kerana ia menghimpunkan bukti atau dalil akliah mengenai sebahagian sifat ketuhanan iaitu Sifat 20.

Karya ini dikarang dalam bentuk matan. Menurut Kamus Dewan, matan membawa tiga maksud. Pertama, naskhah asli atau teks (untuk syarahan dan lain-lain). Kedua, nas yang terdapat pada akhir sanad. Ketiga, erti atau maksud sesuatu ayat.<sup>18</sup> Dapat difahami di sini bahawa matan adalah kitab yang ditulis secara ringkas tetapi padat. Pengarang hanya memuatkan fakta-fakta penting tanpa memasukkan sebarang penerangan yang panjang dan terperinci terhadap sesuatu perbahasan. Dengan itu, pengarang kebiasaannya akan menggunakan istilah yang dianggap tepat dan menyeluruh di dalam tulisannya.

Kitab *Umm al-Barāhīn* selesai dikarang pada hari Jumaat bertariikh 27 Sya'ban 1214H bersamaan dengan peristiwa hari pemerintahan Islam kembali di tanah Mesir setelah berada di bawah jajahan Perancis selama dua tahun.<sup>19</sup> Sebahagian ulama menyebut karya ini wajib dipelajari terlebih dahulu oleh mereka yang baru menuntut ilmu kerana ia mengandungi ajaran akidah Islam yang terang dan jelas walaupun ia hanyalah sebuah karya yang bersaiz kecil.<sup>20</sup>

*Umm al-Barāhīn* juga banyak mempengaruhi ulama selepasnya. Hal ini dapat dibuktikan dengan banyak

---

<sup>18</sup> *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

<sup>19</sup> Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat, "Pengaruh *Umm al-Barāhīn* Karangan al-Sanūsī Dalam Penulisan Karya Akidah Di Alam Melayu," *Jurnal Usuluddin* 30, no. 1 (Disember 2009), 1-31.

<sup>20</sup> 'Abd. Al-Qadir bin 'Abd al-Rahman al-Fatani, *Inilah 'Aqidah Sanūsiyyah Matan Umm al-Barāhīn* (Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba'ah Darul Ma'arif, t.t), 3.

penulisan yang berbentuk syarah<sup>21</sup> dan *ḥashiyah*<sup>22</sup> bersumberkan *Umm al-Barāhīn*. Karya yang bersifat syarah atau hasyiah ini tidak hanya terhad dalam kalangan ulama Arab semata-mata, bahkan meliputi pelbagai bahasa. Setakat ini tidak kurang daripada lima puluh buah kitab yang mensyarahkan *Umm al-Barāhīn* dalam pelbagai bahasa.<sup>23</sup>

Antara karya syarah atau *ḥāshiyah* yang bersumberkan *Umm al-Barāhīn* seperti *Sharḥ al-Imām al-‘Allāmah Muḥammad bin Manṣūr al-Hudhudī ‘alā Umm al-Barāhīn*, karya Sheikh Muḥammad bin Manṣūr al-Hudhudī, *Bidāyah al-Hidāyah*, karya Sheikh Muḥammad Zayn ibn al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-‘Ashi, *Ḥāshiyah al-Shaykh ‘Abd Allah bin Ḥijāzī al-Sharqāwī ‘alā Sharḥ al-Imām al-‘Allāmah Muḥammad bin Manṣūr al-Hudhudī ‘alā Umm al-Barāhīn*, karya Sheikh ‘Abd Allah bin Ḥijāzī al-Sharqāwī, *Ḥāshiyah al-Dusūqī ‘alā Umm al-Barāhīn*, karya Sheikh Muḥammad al-Dusūqī, *Ḥāshiyah al-‘Allāmah al-Bayjūrī ‘alā Matn al-Sanūsiyyah*, karya Sheikh Ibrāhīm al-Bayjūrī, *Sirāj al-Hudā Pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taḳwa*, karya Sheikh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sumbawī dan banyak lagi kitab lain yang sama coraknya.<sup>24</sup>

Meskipun karyanya bersaiz kecil, namun pengaruhnya sangat besar kepada umat Islam. Karya ini juga banyak diterjemahkan dalam pelbagai bahasa.<sup>25</sup> Contohnya ia

---

<sup>21</sup> Syarah bermaksud keterangan, huraian, penjelasan, atau ulasan. Lihat *Kamus Dewan, Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

<sup>22</sup> *Ḥāshiyah* ialah catatan atau keterangan yang ditulis di tepi buku.

<sup>23</sup> Jusoh Razi, "*Sifat Dua Puluh: Satu Sorotan Sejarah*," dalam Forum ISTAC: Al-Hikmah Menjaja Akal Budi Ummat, ed. Ahmad Bazli Shafi, Bil.1, Thn.6 (Kuala Lumpur: t.p., 2000).

<sup>24</sup> Masakree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan, "Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 2014, 54.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 54.

diterjemahkan ke bahasa Jerman oleh Ph. Wolff (1848), bahasa Perancis oleh Luciani (1896), dan bahasa Inggeris oleh A.J. Wensinck (1932).<sup>26</sup>

Karya ini pertama kali diterjemah ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1757M oleh Muḥammad Zayn ibn al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī dengan judul *Bidāyah al-Hidāyah*. Selepas itu beberapa kitab berkenaan dengan ilmu tauhid yang berasaskan kitab *Umm al-Barāhīn* ini telah dikarang. Di antaranya ialah *Zahrah al-Murīd fī Bayān Kalimah al-Tawḥīd* oleh ‘Abd al-Ṣamad Palembangi pada tahun 1764M di Mekah. Pada masa itu juga, Nawawi Bentani yang berada di Mekah telah menyusun sebuah kitab syarah kepada *Umm al-Barāhīn* yang bertajuk *Zari ‘at al-Yaqīn*.<sup>27</sup> Pada 1886, ia diterjemah sekali lagi oleh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambawī dengan judul *Sirāj al-Hudā*. Ia diterjemah sekali lagi oleh Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī dengan judul *‘Aqīdah al-Nājīn*. Pada abad ini juga Tok Syihabuddin dari Palembang turut mengembangkan ajaran Sifat 20 melalui kitabnya *‘Aqīdah al-Bayān*.<sup>28</sup> Sheikh ‘Abd al-Qādir al-Faṭānī yang turut menterjemah *Sirāj al-Hudā* ke dalam bahasa Melayu Jawi telah menyatakan bahawa matan *Umm al-Barāhīn* adalah sebuah risalah akidah yang sangat tinggi nilainya, tiada terkandung di dalamnya perkara syubhat dan penyelewengan.<sup>29</sup> Pada pertengahan

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, 55.

<sup>27</sup> Mohd. Nor Bin Ngah, *Kitab Jawi : Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983), 2.

<sup>28</sup> Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan, *Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu*, 51.

<sup>29</sup> Abd. Qadir bin Abd. Rahman Al-Fatani, *Inilah ‘Aqidah Sanusiah Matan Umm al-Barāhīn* (Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba’ah Darul Ma’arif, t.t), 3.

abad ke 19, kitab *Umm al-Barāhīn* digunakan sebagai bahan pengajaran di Melaka.<sup>30</sup>

Keyakinan terhadap pengarang *Umm al-Barāhīn* yang dianggap sebagai wali Allah SWT oleh kebanyakan ulama Melayu menjadikan mereka begitu kagum dengan pemikiran sifat 20 yang diketengahkan oleh beliau. Kekaguman tersebut terpancar melalui kata-kata ulama Melayu berikut:

“ ... bahawa muqaddimah Sheikh Sanūsī itu, dan jika adalah ia kecil jirimnya sekalipun sangat besar ilmunya lagi yang mengandungi atas sekalian ‘aqāid serta dilebih beberapa fawāid dan kerana demikian itu adalah ia terlebih elok daripada segala yang dita’līfkan pada tauhid dan terlebih sucinya daripada hampa, dan ta’qīd istimewa pula orang yang mengarang akan dia itu wali Allah dengan tiada syak dan namanya Muḥammad anak Yūsuf al-Sanūsī āl-Ḥusnī...”<sup>31</sup>

Kenyataan ini dikeluarkan oleh Tuan Minal tentang keistimewaan teks *Umm al-Barāhīn* karangan Imam al-Sanūsī yang menurutnya meskipun kecil dari segi saiznya, namun tidak ternilai dari faedah dan manfaatnya. Kekaguman bukan hanya terletak kepada pengarangnya yang dianggap sebagai wali Allah, malah karya tersebut dianggap antara karya terbaik tauhid yang pernah dihasilkan<sup>32</sup>. Pujian terhadap *Umm al-Barāhīn* turut

---

<sup>30</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, terj. A.H. Hill (Kuala Lumpur dan Singapura, 1970).

<sup>31</sup> Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad, *‘Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif Sdn. Bhd, t.t), 2.

<sup>32</sup> Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Beberapa Aspek Epistemologi al-Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian awal Terhadap Karyanya ‘Aqīdah al-Nājīn Fi ‘Ilm Usuluddin*, *Jurnal AFKAR*, bil. 2 (2001), 111.

diutarakan Sheikh Zayn bin Faqīh Jalāl al-Dīn melalui karyanya *Bidāyah al-Hidāyah* dengan katanya,

"... maka aku kehendak aku terjemahkan akan karangan Imam yang lebih lagi warak yaitu Abu 'Abdullah kunyahnya Muḥammad anaknya Yusūf Sanūsī, nama negerinya Husni bangsanya yang redha Allah daripadanya, dan dinamai karangannya yaitu Umm al-Barāhīn...."<sup>33</sup>

Kekaguman yang sama turut diutarakan oleh pengarang *Sirāj al-Hudā*, sebagaimana katanya,

"... hal keadaan menjadi syarah atas matn Umm al-Barāhīn, dikerana bahawasanya ia memberi faedah padanya. (Adapun) ia memberi faedah, maka yaitu bahawasanya ialah kitab yang kecil pada bicara 'aqāid yang terlebih masyhur pada segala orang Arab dan Jawi dan Turki dan Hindi dan lainnya membaca segala mereka itu akan dia, serta diamalkan segala barang yang tersebut didalamnya, dan tersebut pada satu citra daripada orang yang soleh bahawasa Sayyidina Ibrāhīm a.s mengajar akan Umm al-Barāhīn bagi segala kanak-kanak yang mati dahulu daripada baligh dengan sebagai pada langit yang ketujuh"<sup>34</sup>

Beberapa kenyataan di atas menjelaskan kedudukan dan kepentingan *Umm al-Barāhīn* kepada ulama Melayu dan masyarakat Islam di Nusantara. Bagi mereka, keterangan yang dikemukakan oleh Imam al-Sanūsī tentang sifat 20 tetap relevan dikembangkan kepada masyarakat

---

<sup>33</sup> Muḥammad Zayn ibn al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-'Ashi, *Bidayah al-Hidayah* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif, t.t), 2.

<sup>34</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambawī, *Sirāj al-Hudā* (Kota Bharu: Cahaya Purnama, t.t), 2.

Islam di Nusantara meskipun mempunyai budaya dan pemikiran yang berbeza.

### **Kitab *Bākūrah al-Amānī* dalam Perkembangan Pendidikan Akidah di Nusantara**

Kitab *Bākūrah al-Amānī* atau nama lengkapnya *Bākūrah al-Amānī li Irshād 'Awwām Ahl al-Faṭānī* (باكورة الأماني (لإرشاد عوام أهل الفطاني), merupakan antara kitab tauhid yang terkenal di Tanah Melayu sehingga kini. Karya ini ditulis oleh Sheikh Wān Ismā'īl bin Wān 'Abd al-Qādir, atau lebih dikenali dengan gelaran Pak Da 'Ail. Karya ini disebut dikarang secara spontan dan berdasarkan ingatan pengarang. Ia selesai dikarang pada tahun 1335H/1916M,<sup>35</sup> dan dicetak oleh Maṭba'ah al-Ikhwān, Singapura pada tahun 1918M yang merupakan antara naskhah terawal yang pernah diterbitkan.<sup>36</sup>

Nama karya ini terbentuk daripada dua perkataan iaitu *Bākūrah* dan *al-Amānī*. *Bākūrah* bermaksud *Awwāl al-Fāqihah* iaitu buah yang pertama, manakala *al-Amānī* bermaksud yang dicitakan. Apabila digabungkan antara dua perkataan tersebut, ia membentuk pengertian 'permulaan bagi segala yang dicitakan'. Nama asal karya ini adalah *Bākūrah al-Amānī li Irshād 'Awwām Ahl al-Faṭānī*, namun setelah karya ini menjadi masyhur di Patani, Malaysia, dan Indonesia maka nama *al-Faṭānī* telah dibuang dan ia kekal hanya dengan nama *Bākūrah al-Amānī* kerana nama asal seolah-olah bersifat kedaerahan (assabiyah).<sup>37</sup>

---

<sup>35</sup> Wān Ismā'īl bin Wān 'Abd al-Qādir al-Faṭānī, *Bākūrah al-Amānī* (Patani: Matba'ah Fatani Press, 1382H.), 2.

<sup>36</sup> Fakhru'l Razi Bin Ismail, *Kaedah Huraian Sifat Dua Puluh Menurut Pak Da 'Ail Fatani: Tumpuan Terhadap Kitab Tabsirah al-Adani*, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 2006, Lampiran B.

<sup>37</sup> Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya' Ulumuddin, Pulau Pinang), pengajian talaqqi kitab *Bākūrah al-Amānī*, 5 April 2013 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



Pada aspek sejarah penulisan kitab, Sheikh Wān Ismā‘īl disebut menziarahi Haji Ahmad Pauh Bendang Jelapang al-Faṭānī (Tok Pauh) salah seorang murid beliau ketika belajar di Mekah yang menetap di daerah Pendang, Kedah pada tahun 1335H. Haji Ahmad mempunyai seorang sahabat yang bernama Haji Hassan yang belajar di Pondok sekitar Pendang. Beliau dikatakan kurang memahami dan tidak dapat menguasai ilmu tauhid dengan sempurna kerana kurang memahami dengan jelas perbahasan kitab lama. Haji Ahmad merasakan ini langkah terbaik untuk membantu rakannya Haji Hassan bagi menguasai ilmu tauhid dengan baik, lantaran itu, Haji Ahmad memohon agar gurunya Sheikh Wān Ismā‘īl menyediakan ringkasan ilmu tauhid bagi memudahkan sahabatnya memahami ilmu tersebut.

Apabila diajukan permintaan kepada Sheikh Wān Ismā‘īl, beliau terus menerima dan tiada halangan untuk menulis sedikit rumusan tentang ilmu tersebut. Bagi tujuan itu, Sheikh Wān Ismā‘īl mengambil masa lebih kurang tiga hari untuk menyiapkan tugas tersebut. Setelah selesai keseluruhan catatan tersebut diserahkan kepada Haji Hassan.<sup>38</sup>

Haji Hassan kemudiannya membawa bersama ringkasan tersebut pulang ke pondoknya. Apabila sampai di pondok, berlaku sedikit kekecohan dalam kalangan pelajar kerana ringkasan tersebut sangat berbeza dengan kitab tauhid yang pernah dikarang ulama Melayu silam pada beberapa aspek seperti nama bagi sifat-sifat *Ma‘ānī* yang ditukar kepada “pe” seperti Pekuasa, Pendengar, Pelihat dan lain-lain.<sup>39</sup> Sifat *Salbiyyah* dengan makna ternafi sedangkan kitab lama ditulis dengan “menafi” di samping

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Mansor Dahlan dan Faizuri bin Abd Latif, “Konsep Penterjemahan Sifat *Salbiyyah* dan *Ma‘ānī* Menurut Wan Ismail al-Fatani (Pak Da Ail) Dalam Matan *Bakurah al-Amani*,” *Jurnal AFKAR* 18 (2016), 199-234.

wujud istilah *Istihālah al-Mustaḥil*, hukum akal dengan *wujūb*, *istihālah*, dan *jawāz* bukannya wajib, mustahil dan *ja'iz* (kena kepada *muta'allaq*).

Antara pelajar yang mempertikaikan tulisan Sheikh Wān Ismā'īl pada ketika itu ialah Haji Ahmad Pauw Bendang Jelapang. Namun beliau tidak memarahi atau berdendam dengan pelajar yang mengkritiknya, bahkan menganggap mereka sebagai pelajar yang pintar. Kebetulan dengan izin Allah SWT pada waktu itu Sheikh Wān Ismā'īl masih berada di Kedah, maka telah datang rombongan pelajar pondok untuk mendapat pencerahan tentang kontroversi yang dicituskan oleh beliau. Maka beliau menerangkan secara terperinci kepada para pelajar berkenaan tentang maksud sebenar ringkasan tersebut. Setelah itu barulah mereka akur dengan kekuatan hujah dan ketajaman pemikiran Sheikh Wān Ismā'īl sehingga akhirnya beliau digelar dengan "Tokoh Usuluddin Terkenal Mekah, Pak Da 'Ail al-Faṭānī".<sup>40</sup>

Selain itu, kitab *Bākūrah al-Amānī* turut mendapat jaminan dan sokongan daripada Sheikh Muḥammad 'Alī al-Maliki. Di Malaysia, terdapat ramai pelajar Sheikh Muḥammad 'Alī al-Maliki, seperti Sheikh Abdullah Fahim dan Sheikh Zubair Bukit Changgang. Dicatatkan yang beliau pernah menyatakan sokongan kepada Sheikh Wān Ismā'īl, "Kamu nak mengarang kitab ini aku duduk di belakang kamu sekiranya ada orang yang mengkritik kamu," dengan maksud siapa yang mahu mengkritik kitab *Bākūrah al-Amānī*, harus berdepan dengan Sheikh Muḥammad 'Alī al-Maliki.<sup>41</sup>

Selain *Bākūrah al-Amānī*, Sheikh Wān Ismā'īl turut mengarang syarah bagi karya ini yang dinamakan *Tabṣīrah al-Adānī*. Beliau juga pernah menulis *ta'liq* atau ulasan

---

<sup>40</sup> Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya' Ulumuddin, Pulau Pinang), pengajian talaqqi kitab *Bākūrah al-Amānī*, 5 April 2013 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>41</sup> *Ibid*.

mengenai dua buah kitab nahu iaitu *Abniyā' al-Asmā' wa al-Af'āl* dan *al-Risālah al-Faṭāniyyah* karangan sepupunya Sheikh Wān Aḥmad al-Faṭānī. *Ta'liq* ini beliau muatkan di bawah karya berkenaan sebagai nota kaki. Selain itu, beliau turut mensyarahkan kitab *Farīdah al-Farāid*, sebuah karya Usuluddin karangan sepupunya.<sup>42</sup>

Berhubung kandungan *Bākūrah al-Amānī*, Sheikh Wān Ismā'īl memulakan perbincangan dengan menjelaskan matlamat utama mengarang karya tersebut adalah bagi memenuhi permintaan muridnya semasa beliau bermusafir di Kedah. Beliau turut menjelaskan bahawa huraian yang terkandung dalam karya tersebut agak berbeza dengan kitab-kitab sebelumnya sehingga menimbulkan kritikan daripada beberapa orang pelajar. Seterusnya beliau menerangkan tentang hukum *taklifi* dengan ringkas serta perkara-perkara yang diwajibkan oleh syara'. Antara perkara tersebut ialah mengiktikad perkara yang terkandung dalam makna kalimah tauhid. Beliau turut menjelaskan makna perkataan 'Tuhan'. Dalam karya tersebut juga Sheikh Wān Ismā'īl menyatakan bahawa sifat-sifat Allah SWT sebenarnya tidak terhad kepada 20 sifat sahaja, malah Allah mempunyai segala sifat *kamalāt* (kesempurnaan) yang tidak terhitung bilangannya. Tetapi yang wajib untuk diiktikad hanyalah sebanyak dua puluh sahaja.

Setelah itu, beliau menyentuh perbincangan hukum akal berserta pengertiannya. Kemudian, beliau membahaskan keseluruhan 20 sifat wajib bagi Allah dan lawan-lawannya serta satu sifat harus bagiNya. Beliau turut membincangkan berkenaan sifat wajib bagi Rasul yang terdiri daripada sifat *ṣiddīq*, *amānah*, *tablīgh* dan *faṭānah* beserta lawan bagi sifat-sifat tersebut, ditambah dengan satu sifat harus bagi para Rasul. Pada akhir perbincangan, beliau akhiri dengan

---

<sup>42</sup> Ismail bin Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (2), (Kelantan: Pencetakan Zul Rahim Sdn.Bhd, 1996).

menyimpulkan perkara yang terkandung dalam dua kalimah syahadah.

### **Pengaruh *Umm al-Barāhīn* Terhadap *Bākūrah al-Amānī***

Seperti yang telah dijelaskan, kebanyakan kitab jawi akidah ulama Nusantara merupakan adaptasi daripada kitab *Umm al-Barāhīn*. Perkara ini dibuktikan melalui pengakuan pengarang sendiri bahawa karya mereka adalah bersumberkan karya induk tersebut. Meskipun kebanyakan pengarang karya jawi secara terbuka mengakui sumber rujukan mereka, namun terdapat segelintir daripada mereka yang tidak menyatakan secara jelas punca rujukan karya mereka termasuk Sheikh Wān Ismā'īl. Hal ini kerana pada asasnya, kitab *Bākūrah al-Amānī* sendiri adalah berbentuk matan yang disyarahkan sendiri secara langsung oleh pengarang yang sama iaitu Sheikh Wān Ismā'īl.

Karangan karya syarahan tersebut dikenali sebagai *Tabṣīrah al-Adānī bi Alḥān Bākūrah al-Amānī*.<sup>43</sup> Aspek kelainan pada sudut penyusunan, penterjemahan dan penghuraian disertai ketokohan dan pengaruh pengarangnya menjadikan karya ini istimewa seterusnya melahirkan pengaruhnya yang tersendiri. Oleh itu penelitian akan dilakukan bagi mengenal pasti aspek pengaruh *Umm al-Barāhīn* terhadap karya *Bākūrah al-Amānī* dengan meneliti aspek susunan bab, kandungan perbincangan sifat 20, penggunaan dalil pada mensabitkan sifat dan perbincangan *ta'aluq* sifat.<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> Wān Ismā'īl bin Wān 'Abd al-Qādir al-Fatānī, *Bākūrah al-Amānī*.

<sup>44</sup> Dalam makalah ini, penulis memfokuskan kepada bab *Ilahīyyāt* iaitu berkisar perbincangan sifat 20. Namun dalam bab *Nubuwwāt*, didapati perbincangan sifat wajib dan mustahil bagi Nabi dapat dilihat perbezaan pengiraan bilangan antara keduanya iaitu *Umm al-Barāhīn* sekadar mengira tiga sifat wajib bagi Nabi iaitu *Siddiq, Amānah* dan *Tablīgh*. Manakala dalam *Bākūrah al-Amānī*, menyebut tiga sifat tersebut dengan tambahan satu lagi sifat iaitu *Faṭānah*. Lihat Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *Matan Umm al-Barāhīn* (Patani: Maṭba'ah bin

### a. Susunan Bab

Berdasarkan penelitian terhadap kitab *Bākūrah al-Amānī* terdapat beberapa tempat dalam kitab tersebut yang mempunyai kemiripan dengan *Umm al-Barāhīn* antaranya pada aspek susunan bab memandangkan setiap perbahasan dalam karya tersebut diletak mirip *Umm al-Barāhīn*.

Misalnya, *Umm al-Barāhīn* mendahulukan perbahasan hukum akal yang tiga iaitu wajib, mustahil dan *ja'iz* sebelum membahaskan mengenai ketuhanan dan kenabian. Begitu juga halnya dengan kitab *Bākūrah al-Amānī* yang turut mendahulukan perbincangan hukum akal sebelum perbahasan ketuhanan dan kenabian. Kedua-dua pengarang mendahulukan perbahasan hukum akal sebelum perkara berkaitan *Ilāhiyyāt* dan *Nubuwwāt* agar mudah difahami oleh pembaca apabila membaca pada bahagian dalil sifat Allah dan sifat Rasul. Hal ini adalah kerana seseorang itu mesti beriman dengan dalil tanpa syak dan ragu serta menolak *taqlīd* dalam berakidah.

Sebagaimana kenyataan di atas, meskipun *Bākūrah al-Amānī* terpengaruh dengan kitab *Umm al-Barāhīn* pada aspek susunan bab, namun terdapat sedikit perbezaan pada perbahasan makna ketuhanan iaitu *Istighnā'* dan *Iftiqār*. Imam al-Sanūsī meletakkan perbahasan *Istighnā'* dan *Iftiqār* dalam kandungan kalimah syahadah selepas membahaskan tentang *Ilāhiyyāt* dan *Nubuwwāt*. Manakala Sheikh Wān Ismā'īl meletakkan perbahasan *Istighnā'* dan *Iftiqār* sebelum perbahasan hukum akal.<sup>45</sup> Beliau meletakkan perbahasan keduanya dalam menerangkan pengertian ketuhanan. Bagi beliau, pengertian Tuhan terangkum dalam dua perkara yang wajib ada padaNya iaitu tupan<sup>46</sup> dan terkaya.

---

Halabi, t.t.), 17; Wān Ismā'īl bin Wān 'Abd al-Qādir al-Faṭānī, *Bākūrah al-Amānī*, 23-25.

<sup>45</sup> Wān Ismā'īl bin Wān 'Abd al-Qādir al-Faṭānī, *Bākūrah al-Amānī*, 3.

<sup>46</sup> Tupakan ialah perkataan yang digunakan oleh orang Patani yang membawa maksud tumpangan. Lihat al-Syeikh Wān Ismā'īl bin

Tupanan membawa maksud segala makhluk sentiasa menumpang dan berhajat kepadaNya. Terkaya pula bermaksud Tuhan tidak berhajat atau tidak memerlukan selain daripadaNya.<sup>47</sup> Boleh dikatakan bahawa Sheikh Wān Ismā‘īl sengaja mendahulukan perbincangan mengenai pengertian ketuhanan sebelum perbincangan hukum akal adalah sebagai gesaan agar beriman terlebih dahulu kemudian baru mencari dalil. Berbeza dengan Imam al-Sanūsī, beliau mendahulukan perbincangan hukum akal sebelum perkara berkaitan *Ilāhiyyāt* dan *Nubuwwāt* supaya keimanan seseorang itu mesti bermula dengan dalil, tanpa syak dan ragu-ragu.<sup>48</sup>

#### **b. Kandungan Perbincangan Sifat 20**

Pengaruh *Umm al-Barāhīn* ke atas *Bākūrah al-Amānī* dikenalpasti dalam bahagian isi kandungan perbincangan Sifat 20. Dalam penyusunan sifat wajib Tuhan pada akal yang terdiri daripada 20 sifat, perbincangan dimulai dengan sifat *Nafsiyyah* iaitu berkenaan zat sendiri, bukan sifat yang menumpang pada zat. Sifat ini dinamakan *Nafsiyyah* kerana tidak menunjukkan makna yang ‘menumpang pada diri zat’ dan kerana itu ia merujuk kepada satu sifat sahaja iaitu *Wujūd*.

Kemudian dibahaskan sifat *Salbiyyah* yang membawa maksud negatif, menanggalkan, menolak ataupun menafikan. Maksud sifat *Salbiyyah* dalam hal ini iaitu

---

Abdul Qadir al-Fatānī, *Ini Syarah Bakurah al-Amani*, alih tulisan jawi ke rumi oleh Noraine Abu (Selangor: al-Hidayah House of Publishers, 2013), 6.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>48</sup> Al-Bayjūrī menukilkan perkataan al-Sanūsī berdasarkan *‘Aqīdah al-Kubrā* bahawa tidak memadai keimanan seseorang *muqallid*, atau dengan kata lain, keimanan seorang *muqallid* adalah tidak sah. *Muqallid* adalah seseorang yang berpegang kepada sesuatu tanpa disertai dalil. Lihat Ibrāhīm al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawhīd*, ed. ‘Alī Jum‘ah (Kaherah: Dar al-Salam, 2002), 76-77.

menolak sifat-sifat yang tidak layak bagi Allah SWT.<sup>49</sup> Contohnya sifat *Mukhālafatuhu li al-Ḥawādith* iaitu bersalahan Allah dengan makhluk membawa maksud menolak sifat yang tidak layak bagi Allah SWT atau menafikan sifat kebersamaan Allah SWT dengan makhluk. Terdapat lima sifat dalam sifat *Salbiyyah* iaitu *Qidam, Baqā'*, *Mukhālafatuh li al-Ḥawādith, Qiyāmuh binafsih* dan *Waḥdāniyyah*.

Setelah itu, dibincangkan sifat *Ma'ānī* iaitu sifat yang *maujud* atau ada yang berdiri pada zat.<sup>50</sup> Contoh sifat *Ma'ānī* seperti *Qudrah* iaitu sifat yang berdiri pada zat Allah SWT. Ertinya *Qudrah* ialah sifat Allah SWT dan bukan zat Allah SWT. Allah SWT berkuasa terhadap sesuatu dengan *Qudrah*Nya atau sifat PekuasaNya. Tujuh sifat dalam sifat *Ma'ānī* ialah *Qudrah, Irādah, 'Ilm, Ḥayah, Sama', Baṣar* dan *Kalām*.

Kemudian didatangkan perbincangan sifat *Ma'nawiyah* iaitu suatu perkara yang thabit atau tetap bagi zat Allah SWT bersifat dengan sifat *Ma'ānī*.<sup>51</sup> Ia bagi membawa maksud bahawa sifat *Ma'ānī* 'melekat' pada zat Allah SWT dan menolak fahaman sifat *Ma'ānī* adalah zat yang berbeza, kerana antara sifat *Ma'ānī* dengan sifat *Ma'nawiyah* tidak boleh dipisahkan.<sup>52</sup> Sifat yang tergolong dalam sifat *Ma'nawiyah* ialah tujuh sifat iaitu *Kawnuh Qādiran, Kawnuh Murīdan, Kawnuh 'Āliman, Kawnuh Ḥayyan, Kawnuh Samī'an, Kawnuh Baṣīrān* dan *Kawnuh Mutakalliman*.

Harus diingat bahawa sifat Allah SWT tidak mengikut susunan dan aturan seperti susunan abjad atau nombor yang

---

<sup>49</sup> 'Abd Allah bin al-Hajazī al-Sharqāwī, *Hāshiyah Sharqāwī 'alā al-Hudhūdī* (Bangkok: Maktabah al-Nahd wa Awladih, t.t), 50.

<sup>50</sup> *Ibid*.

<sup>51</sup> Zayn al-'Ābidīn bin Muḥammad, *'Aqīdah al-Nājīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*, 36.

<sup>52</sup> Daud bin 'Abd Allah al-Faṭānī, *Al-Dur al-Thamīn*, (Thailand: Maṭba'ah Bin Halābī, t.t), 37.

mengikuti urutan tertentu. Cuma susunan yang dilakukan oleh Imam al-Sanūsī dan Sheikh Wān Ismā‘īl adalah kerana mereka tidak dapat menyatakan keseluruhan sifat tersebut secara serentak agar mudah difahami orang awam. Justeru, susunan itu berlaku seperti apa yang ditemui hingga kini.<sup>53</sup>

Selain itu, *Bākūrah al-Amānī* tidak hanya menyenaraikan tiga belas sifat wajib bagi Allah mengikut pendapat al-Ash‘arī semata-mata,<sup>54</sup> bahkan menyenaraikan 20 sifat wajib bagi Allah SWT. Situasi ini menggambarkan bahawa ia lebih terpengaruh dengan *Umm al-Barāhīn*. Malah ia menyusun sifat 20 menyerupai *Umm al-Barāhīn* yang memulainya dengan sifat *Nafsiyyah*, *Salbiyyah*, *Ma‘ānī* dan diakhiri dengan *Ma‘nawiyyah*. Namun, terdapat sedikit perbezaan penyusunan pada *Bākūrah al-Amānī* berkaitan sifat *Ma‘ānī*, memandangkan Sheikh Wān Ismā‘īl mendahulukan sifat *Ḥayāh* dan *‘Ilm* sebelum *Qudrah* dan *Irādah*.<sup>55</sup> Hal ini bukanlah dilakukan secara sengaja, bahkan beliau mempunyai alasan dan hujah untuk mempertahankan perkara tersebut.

Penyusunan yang dilaksanakan ini sangat berbeza dengan *Umm al-Barāhīn* dan beberapa karya akidah yang bermula dengan *Qudrah*, *Irādah* kemudian *‘Ilmu* dan *Ḥayāh* kerana mengikuti jalan *sabīl al-tadallī* iaitu ‘ke bawah’. Penyusunan ini adalah kerana sifat *Qudrah* sangat berkait rapat dengan proses *ta‘thir* (memberi bekas) kepada setiap makhluk sehingga seolah-olah menepati atau mewakili zat Tuhan itu sendiri. Dengan kata lain, *ta‘aluf* sifat *Qudrah* lebih mudah difikir berbanding sifat-sifat lain. Diawalkan sifat *Qudrah* juga kerana ia satu sifat yang munasabah berangkaian dengan penghujung perbincangan sifat *Salbiyyah* iaitu sifat *Waḥdaniyyah*. Pada penghujung

---

<sup>53</sup> Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya’ Ulumuddin, Pulau Pinang).

<sup>54</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran* (Bandung: Gema Insani Press, 1997), 42.

<sup>55</sup> Wan Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani, *Bākūrah al-Amānī*, 13-17.



sifat *Waḥdaniyyah*, dinyatakan esa Allah pada perbuatanNya. Penyusunan seperti ini juga menjadikan perbincangan pendalilan pensabitan sifat menjadi lebih mudah difahami.<sup>56</sup>

Namun, Sheikh Wān Ismā‘īl berpendapat penyusunan mengikut jalan *sabīl al-tadallī* kurang tepat kerana tidak sesuai mengikut kefahaman dalam *zihin* (akal) manusia. Menurut beliau, penyusunan mengikut jalan *sabīl al-taraqī* iaitu ‘ke atas’ adalah lebih sesuai dan menepati kefahaman *zihin* manusia, iaitu mesti bermula dengan *Ḥayāh*, ‘*Ilmu*, *Qudrah* dan *Irādah*. Didahulukan sifat *Ḥayāh* supaya dapat diletakkan penetapan kepada syarat sifat *Ma‘ānī* yang lain. Pada dasarnya penulis bersetuju dengan logik yang dikemukakan oleh Sheikh Wān Ismā‘īl iaitu mendahulukan *Ḥayāh* dan ‘*Ilmu* kemudian diiringi dengan *Qudrah* dan *Irādah*, namun adalah lebih sesuai lagi sekiranya Sheikh Wān Ismā‘īl mendahulukan sifat *Irādah* sebelum *Qudrah*.

Misalnya pada akal manusia, agak mustahil mengikut aturan seseorang itu melakukan sesuatu, kemudian dia berkehendak untuk melakukan perbuatan tersebut. Setelah itu, baru dia mempunyai pengetahuan untuk melakukan perbuatan tersebut. Tetapi yang sepatutnya adalah seseorang itu mempunyai pengetahuan untuk melakukan sesuatu, kemudian dia berkehendak, setelah itu baru melaksanakan perbuatan tersebut. Namun, penyusunan seperti ini hanyalah berdasarkan perbincangan sifat 20 dan pada *ta‘aqqul ‘aqli* iaitu fikiran akal manusia sahaja dan

---

<sup>56</sup> Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya’ Ulumuddin, Pulau Pinang). Lihat juga rakaman, Poster Talaqqi Daurah, “Kitab Bakurah Amani Siri Ketigabelas (Sesi 1),” di laman *Youtube*. <https://www.youtube.com/watch?v=yNPmr3inj0Q&index=57&list=PLXv7LMC8CjKsfcwmc-RZncQXuHAUiE6bd>. Lihat juga kenyataan oleh al-Bayjūrī dalam Ibrāhīm al-Bayjūrī, *Tuḥfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawḥīd*, 120.

tidak pada zat Allah SWT. Hal ini kerana sifat Allah SWT bukanlah tersusun atau berturutan seumpama makhluk.

### c. Penggunaan Dalil Akal pada Mensabitkan Sifat

Jika diteliti kepada nama kitab *Umm al-Barāhīn*, ianya membawa maksud ibu atau punca segala bukti. Justeru, Imam al-Sanūsī mendatangkan himpunan dalil atau bukti yang bersifat *'aqliyyah* atau logik dengan akal dalam mensabitkan sifat-sifat Allah SWT dan Rasul-Nya. Namun begitu sama ada Imam al-Sanūsī mahupun Sheikh Wān Ismā'īl kedua-duanya tidak mendatangkan mana-mana dalil *naqli* sama ada al-Quran mahupun Hadith kecuali pada beberapa perbahasan sifat. Hal ini adalah kerana dalil-dalil daripada nas sudah sekian lama dimaklumi oleh umat Islam.<sup>57</sup>

Dengan penggunaan akal yang sihat dan dipandu oleh wahyu, kita dapat memahami sifat-sifat Allah SWT. Misalnya dengan penggunaan akal, kita mensabitkan sifat *Wahdāniyyah* bagi Allah SWT. Jika Allah itu berbilang atau mempunyai sekutu pasti menunjukkan Allah SWT itu lemah dan saling memerlukan. Hal ini adalah mustahil dan tidak dapat diterima akal. Bagi Imam al-Sanūsī, beliau menyenaraikan terlebih dahulu semua 20 sifat wajib bagi Allah SWT dan membahagikannya mengikut empat kategori sifat. Kemudian beliau menyenaraikan pula 20 sifat mustahil bagi Allah SWT sebagai lawan kepada sifat wajib tersebut. Setelah itu, baru beliau mendatangkan dalil bagi setiap sifat tersebut kecuali kategori sifat *Ma'nawīyyah*.

Situasi ini berbeza dengan Sheikh Wān Ismā'īl, apabila beliau membicarakan mengenai sesuatu sifat yang wajib, akan disertakan dalil bersama sifat mustahil iaitu lawan bagi sifat wajib tersebut. Faktor kedua-dua pengarang tidak mengemukakan dalil sifat *Ma'nawīyyah*

---

<sup>57</sup> Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ithya' Ulumuddin, Pulau Pinang).

adalah kerana sifat ini hanyalah lazim bagi sifat *Ma'ānī* iaitu 'tambahan sifat' *Ma'ānī* dengan zat.<sup>58</sup>

#### **d. Penggunaan Dalil Nas Pada Mensabitkan Sifat**

Berdasarkan penghuraian sebelum ini, Imam al-Sanūsī akan mengemukakan dalil yang bersifat *'aqliyyah* mengenai setiap sifat yang disandarkan kepada Allah SWT. Namun, berbeza dengan sifat *Sama'*, *Başar* dan *Kalām*, beliau hanya mengemukakan dalil al-Quran, al-Sunnah dan Ijmā'.<sup>59</sup> Situasi yang sama turut ditemui dalam kitab *Bākūrah al-Amānī* di mana segala perbahasan sifat Allah SWT hanya dibuktikan dengan dalil-dalil akal tanpa diketengahkan dalil daripada nas kecuali pada perbahasan sifat *Sama'*, *Başar* dan *Kalām*.<sup>60</sup> Berikut merupakan dalil al-Qur'an untuk setiap sifat yang dinyatakan beserta terjemahan yang digunakan dalam *Bākūrah al-Amānī*:  
Dalil *Sama'* dan *Başar*:

وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Terjemahan: Dan Allah Ta'ala itu Tuhan yang mempunyai pedengar, lagi mempunyai pelihat

Al-Shura (42):11

Dalil *Kalām*:

وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا

"Bertitah-titah Allah Ta'ala akan Nabi Musa sebagai berkata-kata"

Al-Nisa' 4:164

Dikemukakan nas sebagai dalil bagi ketiga-tiga sifat tersebut adalah kerana kepentingan sifat tersebut difahami melalui nas berbanding penggunaan akal semata-mata. Ia berbeza dengan sifat lain yang tidak perlu bergantung

<sup>58</sup> Wan Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani, *Bākūrah al-Amānī*, 20-21.

<sup>59</sup> Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *Matan Umm al-Barāhīn*, 16.

<sup>60</sup> *Ibid.*, 18-19.

kepada nas secara langsung, bahkan cukup difahami melalui penggunaan akal.<sup>61</sup> Meskipun begitu, Imam al-Sanūsī tetap memasukkan dalil akal bagi mengukuhkan hujah ketiga-tiga sifat tersebut di dalam *Umm al-Barāhīn*.

Menurut beliau, sekiranya Allah SWT tidak bersifat dengan sifat tersebut, pasti iaNya bersifat dengan lawan sifat itu seperti tuli, buta dan bisu. Sekiranya Allah SWT bersifat lawannya iaitu tuli, buta dan bisu, nescaya akal kita akan mengatakan bahawa Allah SWT mempunyai sifat-sifat kekurangan. Hal ini kerana, sifat tuli, buta dan bisu merupakan sifat kekurangan. Situasi yang sama pasti akan berlaku pada Allah SWT sekiranya Dia tidak bersifat *Sama'*, *Başar* dan *Kalām*. Perbahasan yang sama turut ditemui dalam kitab *Bākūrah al-Amānī*, memandangkan Sheikh Wān Ismā'īl turut menyertakan bersama dalil akal bagi mengukuhkan hujah ketiga-tiga sifat tersebut.<sup>62</sup>

#### e. *Ta'alluq Sifat Ma'ānī*

Apabila membahaskan mengenai sifat *Ma'ānī*, Imam al-Sanūsī turut menyentuh mengenai *ta'alluq*. Hal yang sama dilakukan Sheikh Wān Ismā'īl yang turut memasukkan perbahasan *ta'alluq* di dalam *Bākūrah al-Amānī*. *Ta'alluq* bermaksud tuntutan sifat akan perkara yang lain selain daripada berdirinya pada zat. Dengan maksud yang lebih mudah, *ta'alūq* bermaksud tugas, fungsi atau peranan kerja

---

<sup>61</sup> Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya' Ulumuddin, Pulau Pinang).

<sup>62</sup> Bentuk pendalilan sifat diklasifikasikan kepada tiga iaitu; 1) Sifat yang pendalilannya berdasarkan dalil akal seperti sifat *Wujūd*, *Qidam*, *Baqā'*, *Mukhālafatuh li al-Ḥawādīth*, *Qiyāmuh binafsih*, *Qudrah*, *Irādah*, *ʿIlm* dan *Ḥayāt*. 2) Sifat yang pendalilannya berdasarkan dalil *Sam'ī* atau syara' seperti *Sama'*, *Başar* dan *Kalām*. 3) Sifat yang pendalilannya menjadi khilaf sama ada berdasarkan dalil akal atau dalil *Sam'ī* iaitu sifat *Waḥdāniyyah*. Pandangan yang lebih tepat adalah berdasarkan dalil akal. Lihat Ibrāhīm al-Bayjūrī, *Tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd*, 72.

sesuatu sifat *Ma'ānī* terhadap perkara lain selain mempunyai tugas utama iaitu berdiri pada sat.<sup>63</sup>

Kesemua sifat *Ma'ānī* adalah berta' *alluq* kecuali sifat *Hayāh*. Sifat *Qudrah* bertindak menjadikan segala perkara *mumkin*. Sifat *Irādah* bertindak bagi menentukan perkara *mumkin*. Sifat *Ilm* bertindak menyingkap hakikat sekalian yang wajib, mustahil dan harus. Sifat *Sama'* dan *Başar* bertindak menyingkap segala yang *mawjūdāt* (yang ada). Sifat *Kalām* bertindak bagi menunjukkan segala yang ada dalam ilmu Allah SWT. Tindakan sifat itulah yang diistilahkan sebagai *ta'alluq*.

Meskipun sifat *Hayāh* tergolong dalam kategori sifat *Ma'ānī*, namun ia tidak berta' *alluq* ke atas sesuatu, kerana sifat *Hayāh* bukanlah suatu sifat yang berfungsi untuk bertindak ke atas perkara lain tetapi ia hanya sebagai syarat bagi mengesahkan wujudnya sifat *Ma'ānī* sebagai syarat *'aqli*. Hal ini kerana tidak sah dihukumkan sesuatu zat itu bersifat dengan Pekuasa, Pekehendak, Pengetahuan, Pedengar, Pelihat dan Pekata pada akal melainkan dengan keberadaan sifat *Hayāh*.<sup>64</sup> Tujuan Imam al-Sanūsī dan Sheikh Wān Ismā'īl memasukkan perbahasan *ta'aluq* dalam karya mereka agar dapat difahami sifat Allah SWT dengan jelas, dan dapat pula dibezakan sifatNya dengan sifat makhluk agar tidak ada lagi *iltibās* (kekeliruan) dan *shubhāt* (kesamaran) sehingga berlakunya kesalahan dengan menyamakan sifat Tuhan dengan makhluk sebagaimana yang terjadi kepada golongan musyrikin.

---

<sup>63</sup> Muhadir Haji Jol, *Sifat 20: Suatu Pengenalan Asas* (Selangor: Galeri Ilmu, 2018), 205.

<sup>64</sup> Fakhrlul Razi, Kaedah Huraian Sifat Dua Puluh Pak Da`Ail Fatani, 39. Lihat juga Wan Zailan Kamaruddin, "Aliran al-Asy'ari dan al-Asy'ariyyah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya Dalam Dunia Islam dan Alam Melayu, *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, 128.

## Rumusan

Secara umumnya, kebanyakan karya akidah ulama Nusantara banyak terpengaruh dengan kitab *Umm al-Barāhīn*. Situasi ini berlaku lantaran kekaguman mereka terhadap pengarangnya Imam al-Sanūsī dan corak pengolahan karya tersebut. Meskipun terdapat beberapa karya jawi yang dilihat agak berbeza corak penulisan berbanding *Umm al-Barāhīn* seperti *Bākūrah al-Amānī*, namun perbezaannya tidaklah begitu ketara. Misalnya dalam perbahasan sifat 20 terdapat banyak kemiripan perbahasan antara dua karya tersebut berbanding perbezaan. Hal ini menggambarkan bahawa kebanyakan karya jawi tidak dapat mengelak daripada berada di bawah bayangan karya *Umm al-Barāhīn* yang dikupas dan disusun dengan baik berdasarkan logik dan alasan yang munasabah.

Setelah mengenali kedua-dua buah karya ini, maka secara tidak langsung kita dapat memahami kepentingan kedua-dua karya tersebut. Kitab *Umm al-Barāhīn* misalnya banyak memberi pengaruh kepada ulama-ulama terdahulu kerana susunan perbahasannya yang sangat baik dan teratur. Manakala *Bākūrah al-Amānī* sangat teliti dan terperinci perbahasannya terutamanya dalam aspek penggunaan Bahasa Melayu dan penyusunan beberapa sifat Allah SWT.

## Rujukan

- ‘Abd al-Ghanī Yahya dan ‘Umar Yūsuf. *Risālah al-Tawhīd*. Patani: Matba‘ah Bin Halabi, t.t.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. *Hikayat Abdullah*, terj. A.H. Hill. Kuala Lumpur dan Singapura. 1970.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Bandung: Gema Insani Press, 1997.
- Ahmad Ridoudin bin Haji Abdul Wahab (Mudir, Madrasah Ihya' Ulumuddin, Pulau Pinang), pengajian talaqqi kitab *Bākūrah al-Amānī*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-'Ashi, Muḥammad Zayn ibn al-Faqīh Jalāl al-Din. *Bidāyah al-Hidāyah*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif, t.t.
- Asywadie Syukur. *Pemikiran-Pemikiran Tauhid Syaikh Mohammad Sanusi*. Surabaya: Pt Bina Ilmu, 1992.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm. *Hāshiyah al-Shaykh Ibrāhīm al-Bayjūrī 'alā Matan al-Sanūsiyyah*. Mesir: al-Maṭba'ah al-Maimananiah, 1306 h.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm. *Tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd*. ed. 'Ali Jum'ah. Kaherah: Dār al-Salām, 2002.
- Engku Ku Hassan Engku Wok Zin dan Fauzi Hamat, "Pengaruh Umm Al-Barahin Karangan al-Sanusi Dalam Penulisan Karya Akidah Di Alam Melayu," *Jurnal Usuluddin* 30, 2009.
- Fawdah, Sa'īd 'Abd al-Laṭīf. *Tahzīb fī Sharḥ Matan al-Sanūsī*. Jordan: Dār al-Rāzī, 2004.
- Al-Faṭānī, 'Abd al-Qādir bin 'Abd al-Rahman. *Inilah 'Aqīdah Sanūsiah Matan Umm al-Barāhīn*. Pulau Pinang: Maktabah Wa Maṭba'ah Dār al-Ma'arif, t.t.
- Al-Faṭānī, Aḥmad bin Muḥammad Zayn bin Muṣṭafā. *Farīdah al-Farāid fī 'Ilm al-'Aqāid*. Thailand: Maṭba'ah bin Halābī, t.t.
- Al-Faṭānī, Daud bin 'Abd Allāh. *Al-Dur al-Thamīn*. Thailand: Maṭba'ah Bin Halābī, t.t.
- Al-Faṭānī, Wān Ismā'īl bin Abdul Qadir. *Ini Syarah Bakurah al-Amani*, terj. Noraine Abu. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers, 2013.
- Al-Faṭānī, Wān Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir. *Bākūrah al-Amānī*. Fatani: Maṭba'ah Faṭānī Press, 1382H.

- Al-Faṭānī, Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad. *‘Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif Sdn. Bhd, t.t.
- Ismail bin Che Daud. *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*. Kelantan: Pencetakan Zul Rahim Sdn.Bhd, 1996.
- Jusoh Razi. "Sifat Dua Puluh: Satu Sorotan Sejarah." Dalam *Forum ISTAC: al-Hikmah Menjaja Akal Budi Ummat*, ed. Ahmad Bazli Shafi, Bil.1, Tahun 6. Kuala Lumpur: t.p., 2000.
- Al-Juwaynī, Imam al-Haramayn. *Kitāb al-Irshād ilā Qawāṭi‘ al-Adillah fī Uṣūl al-I‘tiqād*, ed. Shaykh Zakariyyā ‘Amirat. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995.
- Kamarul Bakri bin Abd. Aziz, "Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi." Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Mahayudin Haji Yahaya. *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000.
- Mansor Md. Dahlan. "Kitab Bākūrah al-Amānī Karangan Syeikh Wan Ismail Bin Wan Abdul Kadir: Pendekatan Terjemahan Bahasa Melayu dalam Menjelaskan Sifat-Sifat *Salbiyyah* Dan Ma‘ani." Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013.
- Mansor Md. Dahlan dan Faizuri Abd Latif, "Konsep Penterjemahan Sifat *Salbiyyah* dan Ma‘ani Menurut Wan Ismail al-Fatani (Pak Da Ail) Dalam *Matan Bakurah al-Amani*," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)* vol. 18 (2016).
- Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan, "Kesejarahahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 2014.



- Mohd Fauzi Hamat, "Sumbangan Pengajian Akidah dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)*, vol. 5 (2004).
- Mohammad Iqbal Bisyrīe, "Konsep Pemikiran Kalam Imam Sanusi, Tahqiq dan Dirasah Atas Naskhah *Umm al-Barahin*." (Disertasi Sarjana, Program Studi Agama dan Filsafat, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2010).
- Mohd. Nor bin Ngah. *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983.
- Muhadir Haji Jol. *Sifat 20: Suatu Pengenalan Asas*. Selangor: Galeri Ilmu, 2018.
- Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ṣamad. *‘Aqīdah Ahlussunnah Wal Jama‘ah, Terjemah dan Syarh Aqidah al-Awam*. Jakarta: Khalista Surabaya, 2009.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *Kitāb al-Muḥaṣṣal wahuwa Muḥaṣṣal Afkār al-Mutaqaddimīn wa al-Mutaakhirīn min al-Hukamā’ wa al-Mutakallimīn*, ed. Ḥusayn al-Ṭāi. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, 1991.
- Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Malik ‘Abd al-Raḥman. *Sharḥ al-Nasafīyyah fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Anbān, 1999.
- Al-Sambawī, Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī. *Sirāj al-Hudā*. Kota Bharu: Cahaya Purnama, t.t.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf. *Matan Umm al-Barāhīn*. Patani: Maṭba‘ah bin Halabi, t.t.
- Al-Sharqāwī, ‘Abd Allah bin al-Hajazī. *Ḥāshiyah Sharqāwī ‘alā al-Hudhudī*. Bangkok: Maktabah al-Nahdī wa Aulā dih, t.t.
- Wan Muhammad Saghīr bin Abdullah. *Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah, 1999.

Faizuri & Muhammad Hazim, "Pengaruh *Umm al-Barāhīn* Karya al-Sanūsī terhadap *Bākūrah al-Amānī* Karya Wan Ismail al-Fatani," *Afkār* Vol. 20 Issue 2 (2018): 93-126

Wan Zailan Kamaruddin, "Aliran al-Asy'ari dan al-Asy'ariyyah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya dalam Dunia Islam dan Alam Melayu." *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, 1994.